

## PENGARUH PERSEKITARAN TERHADAP PSIKOLOGI DALAM KALANGAN PELAJAR DARI PERSPEKTIF KUALITI HIDUP DI UNIVERSITI MALAYA

(*The Influence of the Environment on Psychology among Students from the Perspective of the Quality of Life at the University of Malaya*)

Khairos Md Saini, Rosmadi Fauzi, Saripah Osman

### ABSTRAK

Persekitaran dan psikologi adalah dua skop kajian berbeza namun tidak dapat dipisahkan khususnya dalam mengukur tahap kualiti hidup seseorang. Secara umumnya, interaksi manusia dengan persekitaran mempengaruhi perilaku manusia. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat perhubungan di antara persekitaran dan psikologi yang mempengaruhi tahap kualiti hidup pelajar. Kajian ini melibatkan 239 orang penghuni kolej kediaman di Universiti Malaya yang terlibat secara langsung dalam soal selidik. Kaedah analisis regresi diguna pakai untuk mengukur perhubungan diantara tiga bentuk persekitaran yang terdiri daripada fizikal, pengangkutan dan perhubungan, dan sosial dengan psikologi. Hasilnya mendapat ketiga-tiga jenis persekitaran berkenaan mempunyai perhubungan yang signifikan dengan psikologi di mana ketiga-tiga nilai p adalah  $\leq 0.05$ . Manakala, nilai perhubungan (regresi) yang paling kuat antara ketiga-tiga persekitaran berkenaan adalah persekitaran fizikal yang diwakili dengan 68.04, disusuli dengan persekitaran sosial, 50.289 dan pengangkutan dan perhubungan, 43.525. Secara keseluruhannya, persekitaran mempunyai perhubungan yang signifikan terhadap psikologi penghuni. Oleh itu, bagi memastikan tahap kualiti hidup pelajar yang tinggal di kolej kediaman Universiti Malaya dalam keadaan yang baik, faktor-faktor persekitaran berkenaan haruslah dititik beratkan.

**Kata Kunci:** persekitaran, psikologi, kualiti hidup, kolej kediaman

### ABSTRACT

Environment and psychology are two different scopes of study but cannot be separated especially in measuring quality of life. In general, human interaction with the environment affects human behavior. Therefore, this study is conducted to examine the relationship between the environment and psychology that affect the quality of life of the students. This study involved 239 residents of residential colleges in the University of Malaya who were directly involved in the questionnaire. The regression analysis method is used to measure relationships between the three forms of the environment comprising physical, transport and communication, and social with psychology. The result shows that the three types of environments have significant relationships with psychology where the three values of p are  $\leq 0.05$ . Meanwhile, the strongest regression (regression) value of the three environments is the physical environment represented by 68.04, followed by social environment, 50.289 and transport and communication, 43.525. Overall, the environment has a significant relationship to the occupational psychology. Therefore, to ensure that the quality of life of students living in the University Malaya residential college is in good condition, the environmental factors should be emphasized.

**Keywords:** environment, psychology, quality of life, residential college

## PENGENALAN

Malaysia adalah bumi bertuah yang memiliki pelbagai kelebihan dari segenap segi. Semenjak kemerdekaan 1957, aktiviti pembangunan semakin giat dijalankan bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat dapat dipertingkatkan. Bagi memastikan aspirasi kerajaan ini dapat dicapai, pelbagai insentif telah diambil bagi memastikan tahap kualiti hidup yang diingini dapat dicapai khususnya dalam melahirkan komuniti yang berdaya saing yang serba lengkap dalam segenap perkara. Kualiti hidup merupakan antara indikator yang digunakan pakai bagi menilai tahap keberkesanan perlaksanaan insentif kerajaan. Menurut Laporan Kualiti Hidup Malaysia 2011, terdapat sebelas komponen kualiti hidup yang telah dikenal pasti merangkumi elemen pendidikan, pengangkutan dan komunikasi, perumahan, kebudayaan dan liburan, pendapatan dan pengagihan, keselamatan awam, kesihatan, penyertaan sosial, alam sekitar, kehidupan keluarga dan persekitaran kerja (Unit Perancang Ekonomi, 2012). Walaubagaimanapun, hanya komponen-komponen tertentu yang akan diambil kira dalam kajian ini.

Walaubagaimanapun, makna sebenar kualiti hidup adalah subjektif di mana ia dapat dibezakan mengikut pandangan individu yang memberi tafsiran mengikut perspektif yang tersendiri. Dengan kata lain, pemahaman berkenaan dengan konsep ini bergantung kepada persepsi individu dalam posisi mereka sendiri dalam kehidupan sebenar berdasarkan konteks budaya dan nilai sistem yang dipraktikkan (Glatzer et. al., 2004). Konsep kualiti hidup ini kebiasaannya dirujuk kepada perkara-perkara baik yang sepatutnya berlaku terhadap mana-mana individu untuk mencapai matlamat hidup. Keadaan ini dilihat amatlah kompleks apabila setiap individu mempunyai pandangan mereka sendiri dan kadang kala menimbulkan perbalahan dalam menentukan makna kualiti hidup yang sebenar. Persekutuan memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi tingkah laku manusia. Oleh itu, kajian ini memfokuskan berkenaan dengan pengaruh persekitaran yang mempengaruhi kualiti hidup yang dinikmati oleh penghuni di kolej-kolej kediaman yang terdapat di Universiti Malaya.

Bagi mengukur sejauh manakah persekitaran di kolej kediaman mempengaruhi tahap psikologi penghuninya, terdapat dua objektif yang akan dibincangkan dalam kajian ini. Objektif pertama adalah untuk mengukur tahap kepuasan penghuni kolej-kolej kediaman di Universiti Malaya mengikut faktor-faktor persekitaran yang diketengahkan. Terdapat tiga faktor persekitaran utama yang akan dibincangkan dalam kajian ini, iaitu persekitaran fizikal, kemudahan pengangkutan dan perhubungan, dan persekitaran sosial. Pemilihan ketiga-tiga komponen ini adalah berdasarkan kajian Burc et al. (2001) di mana terdapat empat komponen persekitaran di bandar iaitu persekitaran fizikal, pengangkutan dan perhubungan, ekonomi dan sosial. Walaubagaimanapun, persekitaran ekonomi tidak diambil kira dalam kajian ini berikutan dengan fungsi institusi pengajian yang lebih mengetengahkan bidang pendidikan. Manakala objektif kedua adalah untuk menganalisis perhubungan diantara ketiga-tiga faktor persekitaran yang wujud di kolej-kolej kediaman dengan psikologi. Untuk mengukur tahap perhubungan ini, kaedah analisis perhubungan (regresi) akan dilaksanakan.

## DAPATAN SOROTAN KARYA

### Elemen Persekitaran dalam mempengaruhi psikologi dari perspektif Kualiti Hidup

Menurut Cummins (1999), Lim et al. (1999) dan Azahan Awang et al. (2008), terdapat lebih daripada 100 definisi bagi kualiti hidup yang terdiri daripada pelbagai dimensi. Konsep

kualiti hidup ini bukanlah sesuatu yang baru sahaja diperkenalkan, dimana pada 384-322 SM yang lalu, Aristotle pernah menulis berkenaan dengan “*the good life*” dan ‘*living well*’, manakala Seth (1889) juga pernah mengeluarkan kenyataannya “..we must not regard the mere quantity, but also the quality of life which forms the moral end” (Forward, 2003). Walaubagaimanapun, konsep yang diketengahkan oleh kedua-dua ilmuwan berkenaan masih kurang diberi penekanan pada zaman berkenaan kerana konsep kualiti hidup masih belum dikaji dengan lebih mendalam. Maka pada masa kini, kualiti hidup dapat didefinisikan sebagai kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, akses dan kebebasan memperolehi pengetahuan serta taraf hidup yang melebihi keperluan asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang setanding dengan aspirasi negara (Haryati dan Nurasyikin, 2011). Oleh hal yang demikian, untuk mencapai kesemua aspek berkenaan, kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk mengukur tahap kualiti hidup yang dinikmati pada masa kini dalam memastikan kesejahteraan hidup rakyat dapat dipertingkatkan.

Terdapat tiga bentuk persekitaran yang mempengaruhi kualiti hidup iaitu persekitaran fizikal, persekitaran pengangkutan dan perhubungan, ekonomi, dan persekitaran sosial (Burc et al., 2001). Namun persekitaran ekonomi tidak diambil kira dalam kajian ini berikutan dengan fokus kajian yang lebih menjurus kepada interaksi pelajar dengan persekitarannya. Secara umumnya, kualiti hidup dapat dibahagikan kepada dua penunjuk iaitu secara objektif atau subjektif (Seashore, 1978; Cummin, 1999; Burc et al., 2001). Penunjuk objektif merujuk kepada elemen statistik yang kebiasaannya melibatkan data-data yang terkumpul (Haryati & Nurasyikin, 2011) yang sukar disangkal atau data unggul dan lebih mudah, ringkas dan padat serta sukar dinafikan (Azahan et al., 2008). Dengan kata lain, penunjuk objektif adalah sesuatu fakta yang tidak bergantung kepada mana-mana sumber lain misalnya seperti tempat tinggal, kemudahan, kadar jenayah dan sebagainya. Maka komponen persekitaran fizikal, pengangkutan dan perhubungan serta sosial dikategorikan sebagai penunjuk objektif dalam mengukur kualiti hidup. Jadual 1 menunjukkan jenis penunjuk dan sub-indeks yang digunakan dalam mengukur kualiti hidup.

**Jadual 1: Indeks Penunjuk Dan Sub-Indeks**

<b>Indeks penunjuk</b>	<b>Sub-indeks penunjuk</b>
<b>Alam Sekitar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan sisa</li> <li>• Kualiti udara, air dan bunyi</li> <li>• Gangguan haiwan liar</li> <li>• Kawasan Hijau</li> </ul>
<b>Pengangkutan dan perhubungan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isu kesesakan</li> <li>• Tempat letak kenderaan</li> <li>• Perkhidmatan bas</li> <li>• Kemudahsampaian ke pusat perkhidmatan</li> <li>• Kemudahan untuk mengakses maklumat</li> </ul>
<b>Sosial</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemudahan aras</li> <li>• Isu-isu keselamatan dan jenayah</li> <li>• Kemudahan makanan</li> <li>• Keperluan ubat-ubatan dan kesihatan</li> </ul>

**Sumber : Burc et al. (2010)**

Menurut kajian Tuan Pah Rokiah dan Hamidi Ismail (2005), alam sekitar adalah penting dalam penilaian Indeks Kualiti Hidup Malaysia, memandangkan alam sekitar berada paling dekat dengan manusia, ianya memberi kesan secara langsung kepada kesejahteraan hidup. Oleh itu, alam sekitar yang baik adalah penting untuk kesihatan dan kualiti hidup seseorang

individu. Terdapat empat sub-indeks penunjuk yang diambil kira dalam kajian ini iaitu pengurusan sisa, kualiti persekitaran (e.g. udara, air, tanah), gangguan haiwan liar dan kawasan hijau. Kualiti persekitaran yang merudum misalnya akan menjadikan kesihatan dan psikologi pelajar. Sebagai contoh, pencemaran udara yang mempunyai kandungan partikel yang tinggi memberi impak yang negatif kepada kesihatan manusia (Williamson, 1973). Umumnya, penyumbang kepada isu pencemaran ini boleh berlaku dalam skala tempatan atau global (Shaharuddin dan Noorazuan, 2006). Di dalam kampus Universiti Malaya, punca pencemaran udara yang paling ketara yang terpaksa di hadapi oleh pelajar adalah daripada kenderaan bermotor, tempat pelupusan sisa dan tapak pembinaan. Begitu juga indikator-indikator yang lain. Pengurusan alam sekitar yang rendah akan secara tidak langsungnya akan menjadikan tahap psikologi seseorang.

Manakala, pengangkutan dan komunikasi merupakan komponen kedua dalam mengukur kemajuan dan pembangunan kerana ia memudahkan proses penghantaran dan interaksi di samping menyediakan peluang pekerjaan, pendidikan, serta pergerakan barang dan perkhidmatan (Unit Perancang Ekonomi, 1999). Dengan kata lain, ia memudahkan pergerakan dari satu lokasi ke satu lokasi yang lain. Dalam kajian yang dijalankan oleh Haryati dan Sharifah (2011) mengenai pengangkutan di bandar, isu keselesaan di jalanraya dan masalah kesesakan lalu lintas merupakan isu global yang menyebabkan gangguan terhadap persekitaran dan psikologi penduduk. Di samping itu, jaringan komunikasi seperti perkhidmatan telefon dan kemudahan jalur lebar juga merupakan antara faktor utama yang berupaya mempengaruhi psikologi. Ketidakpuasan seseorang pengguna berkaitan dengan penilaian kualiti sesuatu perkhidmatan (Parasuraman et al., 1988) perlu dipenuhi dengan sewajarnya bagi memastikan kualiti hidup yang baik dapat dicapai.

Begitu juga dengan kepentingan sosial. Kesejahteraan sosial merupakan matlamat yang ingin dicapai dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah komuniti (Haris, 2010). Menurut Haris (2010), kesejahteraan sosial menjelaskan strategi yang mengubah sesebuah komuniti berkait rapat dengan aspek pengurusan masalah sosial, memenuhi keperluan hidup, dan penyediaan peluang mobiliti sosial dan komuniti. Antara isu sosial yang dibangkitkan dalam kajian beliau adalah berkenaan dengan penyediaan kemudahan asas, kemiskinan, penyediaan peluang pekerjaan, perumahan, pencemaran persekitaran, kesesakan lalu lintas, isu jenayah dan keselamatan. Namun, hanya sebahagian isu dan permasalahan yang diambil kira dalam kajian ini yang bersesuaian dengan fokus kajian. Antara isu sosial yang diketengahkan dalam kajian ini adalah berkenaan dengan isu jenayah dan keselamatan. Kes jenayah seperti ragut, kecurian dan pecah ragut, kecurian dan pecah rumah menggugat keselamatan pelajar (Choy et al 2009) dan ia dianggap satu perkara yang berupaya menganggu psikologi individu.

Bagi penunjuk subjektif, ia merujuk kepada penilaian, pandangan atau persepsi seseorang individu mengenai hidupnya (Haryati & Nurasyikin, 2011). Penunjuk subjektif ini adalah berbeza-beza mengikut individu bergantung kepada personaliti dan tingkah laku yang telah wujud atau dipupuk dalam jiwa seseorang. Oleh itu, penilaian subjektif ini adalah lebih umum tetapi mestilah diselaraskan dengan penunjuk objektif. Dengan kata lain, persepsi individu (subjektif) mengikut kepuasan hati penduduk bandar bergantung kepada persekitarannya (objektif) (Murdie et al., 1992). Faktor psikologi amat berkait rapat dengan tingkah laku individu yang dipengaruhi oleh emosi apabila mereka berhubung dengan persekitaran. Bagi mereka yang cuma memahami tingkah laku sosial manusia, ia adalah sesuatu yang tidak mudah dan kompleks (Markovsky, 1999). Menurut Mohd Anuar dan Norshahril (2011) manusia adalah individu yang kompleks dari konteks psikologinya di mana apabila mereka berhubung atau berinteraksi dengan kumpulan yang lebih besar, kekompleksan itu menjadi lebih sukar. Kajian ini disokong oleh Fanger (1973) yang mengatakan faktor psikologi merupakan fahaman subjektif yang memberi keseimbangan

kepada tahap keselesaan seseorang. Dengan kata lain, tahap psikologi seseorang adalah berbeza mengikut individu bergantung kepada cara mereka beradaptasi dengan persekitaran sekeliling. Oleh itu, adalah penting untuk mengukur tahap kepuasan sekumpulan individu dalam mengenal pasti sejauh manakah persekitaran mempengaruhi psikologi.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Bagi memastikan kajian ini dapat dijalankan dengan baik, metodologi kajian telah dirangka untuk mendapatkan kaedah yang paling sesuai dalam mengukur pengaruh persekitaran terhadap psikologi pelajar. Berikut adalah metodologi kajian yang diguna pakai dalam kajian ini.

### **Kaedah Pensampelan**

Kajian ini disertai oleh 239 orang responden yang terdiri daripada pelajar sarjana muda daripada pelbagai latar belakang. Mereka ini dipilih secara rawak mengikut kolej kediaman. Untuk mendapatkan maklumat secara seragam setiap kolej mestilah diwakili lebih daripada 20 orang pelajar bagi mengukur perhubungan diantara persekitaran dan psikologi. Kaedah pensampelan mengikut kolej kediaman ini dilakukan kerana pelajar yang tinggal di dalam kampus lebih cenderung untuk berinteraksi dengan persekitarannya. Oleh itu, pelajar yang mendiami kolej kediaman merupakan fokus kajian.

### **Instrumen Kajian**

Borang soal selidik akan diedarkan kepada 239 orang responden bagi mengukur tahap kepuasan penghuni kolej terhadap persekitarannya. Terdapat DUA bahagian dalam borang soal selidik iaitu:

- i. Bahagian A : Bahagian hanya mengajukan beberapa soalan mudah berkenaan latar belakang responden yang terdiri daripada jantina, tahun pengajian, fakulti dan sebagainya.
- ii. Bahagian B : Bahagian ini telah dibahagikan kepada empat kategori iaitu elemen persekitaran fizikal, pengangkutan dan perhubungan, persekitaran sosial dan psikologi.

Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik berbentuk struktur di mana responden yang dipilih mestilah terdiri daripada penghuni kolej kediaman. Teknik soal selidik secara berstruktur ini terbahagi kepada empat bahagian yang diukur mengikut persekitaran fizikal, perhubungan dan pengangkutan, sosial dan psikologi. Persoalan yang diajukan adalah *berbentuk skala likert* yang diwakili dengan lima pilihan jawapan. Berikut adalah skala jawapan soal selidik yang dikemukakan:

- 1 – Sangat kurang memuaskan
- 2 – Kurang memuaskan
- 3 – Sederhana
- 4 – Memuaskan
- 5 – Sangat memuaskan

Bagi mengukur perhubungan diantara persekitaran dan psikologi, analisis regresi akan dijalankan.

## Analisis Regresi

Analisis regresi yang akan dijalankan ke atas kesemua 239 orang responden bertujuan untuk mengenal pasti signifikasi faktor persekitaran tertentu dalam mempengaruhi psikologi pelajar. Secara umumnya terdapat dua hipotesis yang diramal pada awal kajian iaitu hipotesis alternatif dan hipotesis null. Berikut adalah hipotesis yang telah dibentuk untuk menjawab persoalan regresi yang akan dinilai.

Hipotesis Alternatif , $H_1$ :

Tahap kepuasan pelajar terhadap faktor persekitarannya akan mempengaruhi psikologi pelajar.


Hipotesis Null , $H_0$  :

Kepuasan pelajar terhadap faktor persekitaran tidak mempengaruhi psikologi pelajar.

Kedua-dua hipotesis berkenaan akan menjadi rujukan terhadap penilaian keatas nilai p atau nilai *sig.* yang menunjukkan perhubungan diantara faktor persekitaran dengan psikologi. Sekiranya nilai p adalah berada  $\leq 0.05$ , maka hipotesis null berjaya ditolak. Hal ini bermakna hasil data yang diperolehi adalah menyokong hipotesis alternatif yang telah diketengahkan. Manakala sekiranya nilai p  $\geq 0.05$ , maka kajian ini gagal untuk menolak hipotesis null yang menunjukkan tidak wujud perhubungan diantara persekitaran dan psikologi.

Berikut adalah reka bentuk kajian yang diguna pakai dalam kajian ini.

**Rajah 1 : Rekabentuk Kajian**



Rajah 1 menunjukkan elemen-elemen kualiti hidup yang dibahagikan kepada komponen objektif dan subjektif. Berdasarkan gambar rajah, persekitaran fizikal, pengangkutan dan perhubungan dan persekitaran sosial dikategorikan sebagai elemen objektif, manakala psikologi dikategorikan sebagai elemen subjektif. Untuk melihat perhubungan diantara persekitaran dan psikologi kaedah analisis regresi akan dilaksanakan. Elemen persekitaran dikategorikan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar, manakala psikologi dikategorikan

sebagai elemen bersandar. Berikut adalah formula statistik regresi yang digunakan dalam kajian ini.

$$Y = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \dots + \beta_n X_n + \epsilon$$

$Y$  = Pemboleh ubah Bersandar (nilai yang cuba dianggarkan)

$X$  = Pemboleh ubah Tidak Bersandar (pemboleh ubah yang diandaikan mempunyai perhubungan dengan pemboleh ubah bersandar)

$\beta$  = Koefisien (nilai, dihitung dengan menggunakan alat regresi, memaparkan perhubungan dan kekuatan bagi setiap pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar)

$\epsilon$  = Residual (bahagian pemboleh ubah bersandar yang tidak dapat dijelaskan dengan menggunakan model, model yang berada di luar kemampuan anggaran)

Berdasarkan formula di atas, analisis perhubungan diantara persekitaran dan psikologi akan dianalisis dengan menggunakan aplikasi *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS).

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Latar Belakang dan Maklumat Demografi Responden

**Jadual 2 : Profil Responden**

Profil Demografi	Kategori	Frekuensi (Orang)	Peratusan (%)
<b>Jantina</b>	Lelaki	69	28.9
	Perempuan	170	71.1
<b>Tahun Pengajian</b>	Satu	71	29.7
	Dua	28	11.7
	Tiga	105	43.9
	Empat	32	13.4
	Lima	3	1.2
<b>Fakulti</b>	Perakaunan	11	4.6
	Alam Bina	7	2.9
	Akademik Pengajian Islam	5	2.1
	Akademik Pengajian Melayu	4	1.7
	Ekonomi	8	3.3
	Bahasa dan Linguistik	11	4.6
	Sains Komputer dan Sains Maklumat	26	10.9
	Sastera dan Sains Sosial	50	20.0
	Kejuruteraan	28	11.7
	Pendidikan	6	2.5
	Perubatan	26	10.9
	Pusat Kebudayaan	6	2.5
	Pusat Sukan	2	0.8
	Sains	38	15.9
	UMCCED	4	1.7
	Undang-undang	7	2.9
<b>Jumlah</b>		<b>239</b>	<b>100</b>

Berdasarkan jadual 2, penyertaan pelajar perempuan adalah lebih ramai berbanding lelaki iaitu seramai 170 orang berbanding bilangan pelajar lelaki iaitu 69 orang. Hal ini berlaku kerana pelajar perempuan adalah lebih mudah didekati dan lebih sedia untuk menjawab soalan soal selidik berbanding pelajar lelaki. Manakala pelajar tahun ketiga adalah kumpulan pelajar yang paling ramai terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 105 orang. Manakala pelajar tahun kelima adalah yang paling sedikit iaitu seramai 3 orang. Bagi kategori pelajar mengikut fakulti, pelajar dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FSSS) adalah yang paling ramai menyertai kajian ini iaitu seramai 50 orang, manakala pelajar daripada Pusat Sukan adalah paling sedikit iaitu seramai 2 orang. Secara keseluruhannya, 239 orang pelajar yang menghuni di kolej-kolej kediaman Universiti Malaya terlibat secara langsung dalam kajian yang dijalankan ini.

### **Analisis Perhubungan diantara Persekutaran Fizikal dengan Psikologi**

Persekutaran fizikal atau boleh juga dikenali sebagai alam sekitar merupakan indeks penunjuk pertama yang diukur dalam kajian ini. Jadual 3 menunjukkan wujud perhubungan yang signifikan diantara persekitaran fizikal dengan psikologi di mana nilai  $p$  adalah  $\leq 0.05$  iaitu 0.000. Maka  $H_0$  berjaya ditolak. Kekuatan regresi diantara persekitaran fizikal dengan psikologi adalah 68.04. Nilai regresi ini menunjukkan berlaku perhubungan yang kuat antara dua komponen berkenaan. Untuk mengulas lebih lanjut, jadual 4 menunjukkan faktor pemalar yang diambil kira dalam kajian.

**Jadual 3 : Perhubungan diantara persekitaran fizikal dengan psikologi secara keseluruhan**

Model	Jumlah Persegi	df	Purata Persegi	F	Sig.
<b>Regresi</b>	68.04	4	17.01	33.136	.000
<b>Baki</b>	120.119	234	0.513		
<b>Jumlah</b>	188.159	238			

**Jadual 4 : Perhubungan diantara persekitaran fizikal dengan psikologi mengikut faktor**

Model		Pekali Bukan Piawaian		Pekali Piawaian		Sig.
		B	Ralat Std.	Beta	t	
<b>Persekutaran Fizikal</b>	(Pemalar)	0.859	0.242		3.549	0
	Pengurusan sisa	0.194	0.064	0.194	3.035	0.003
	Kualiti udara, air dan bunyi	0.246	0.065	0.242	3.779	0
	Gangguan haiwan liar	0.035	0.041	0.048	0.848	0.398
	Kawasan Hijau	0.294	0.057	0.307	5.199	0

Terdapat empat faktor yang diambil kira dalam mengukur kualiti persekitaran fizikal iaitu pengurusan sisa, kualiti udara, air dan bunyi, gangguan haiwan liar dan kawasan hijau (Jadual 4). Berdasarkan jadual, pengurusan sisa, kualiti udara, air dan bunyi serta kawasan hijau menunjukkan perhubungan yang signifikan dengan psikologi, manakala gangguan haiwan liar gagal untuk menolak  $H_0$  di mana nilai  $p$  adalah  $\geq 0.05$  iaitu 0.398. Keadaan ini menunjukkan pelajar yang mendiami kolej kediaman merasa terganggu apabila wujud permasalahan terhadap ketiga-tiga indikator berkenaan. Secara umumnya, kesemua sub-indeks berkenaan mempunyai perhubungan secara langsung misalnya semakin merosot tahap pengurusan sisa pepejal, semakin rendah tahap psikologi pelajar. Begitu juga kualiti alam sekitar dan kawasan hijau. Berbeza pula dengan gangguan haiwan liar yang pada dasarnya merupakan salah satu permasalahan yang sering diadukan oleh segerintir pelajar. Walaubagaimanapun, isu persekitaran ini dilihat tidak memberi impak yang terlalu mendalam

kepada psikologi pelajar di mana nilai p adalah  $\leq 0.05$  iaitu 0.398. Ini bermakna kebanyakan pelajar telah berjaya beradaptasi dengan permasalahan ini.

### **Analisis Perhubungan diantara Persekutaran Pengangkutan dan Perhubungan dengan Psikologi**

Berlainan pula dengan pengaruh pengangkutan dan perhubungan. Walaupun pada dasarnya pengangkutan dan perhubungan merupakan antara sub-indeks yang paling memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perilaku individu, namun dalam kajian ini mendapati kekuatan perhubungan adalah lebih rendah iaitu 43.525 berbanding alam sekitar. Walaubagaimanapun, indeks penunjuk kualiti hidup ini masih menunjukkan perhubungan yang signifikan di mana nilai p adalah  $\leq 0.05$  iaitu 0.00 (Jadual 5).

**Jadual 5 : Perhubungan diantara persekitaran Pengangkutan dan Perhubungan dengan Psikologi secara keseluruhan**

Model	Jumlah Persegi	df	Purata Persegi	F	Sig.
<b>Regresi</b>	43.525	5	8.705	12.973	.000a
<b>Baki</b>	156.341	233	0.671		
<b>Jumlah</b>	199.866	238			

**Jadual 6 : Perhubungan diantara persekitaran Pengangkutan dan Perhubungan dengan Psikologi mengikut faktor**

Model		<b>Pekali Bukan Piawaian</b>		<b>Pekali Piawaian</b>		Sig.
		B	Ralat Std.	Beta	t	
<b>Persekutaran pengangkutan dan perhubungan</b>	(Pemalar)	1.757	0.226		7.783	0
	Isu kesesakan	0.107	0.068	0.112	1.556	0.121
	Tempat letak kenderaan	0	0.056	-0.001	-0.016	0.987
	Perkhidmatan bas	0.089	0.065	0.095	1.357	0.176
	Kemudahsampaian ke pusat perkhemidmatan	0.205	0.06	0.241	3.448	0.001
	Kemudahan untuk mengakses maklumat	0.143	0.057	0.179	2.534	0.012

Merujuk kepada jadual 6, faktor berkenaan dengan kesesakan lalu lintas, tempat letak kenderaan dan perkhidmatan bas gagal untuk menolak  $H_0$  di mana ketiga-tiga nilai sig. adalah  $\geq 0.05$  iaitu masing-masing adalah 0.121, 0.987 dan 0.176. Perhubungan yang tidak signifikan ini berlaku kerana isu kesesakan lalu lintas dan tempat letak kenderaan tidak berlaku secara langsung terhadap responden. Penggunaan kenderaan persendirian dalam kalangan pelajar bukanlah satu kebiasaan, di mana ia hanyalah melibatkan segelintir pelajar yang mampu memiliki. Oleh itu, isu berkenaan dengan kesesakan lalu lintas dan tempat letak kenderaan tidaklah melibatkan kesemua responden menunjukkan kurangnya perhubungan yang signifikan dengan psikologi. Di samping itu, dengan adanya kemudahan perkhidmatan bas yang disediakan oleh pihak universiti memudahkan pelajar untuk bergerak di dalam kampus tanpa menggunakan kenderaan persendirian. Maka isu-isu yang berkenaan secara tidak langsungnya tidak mempengaruhi psikologi pelajar. Berlainan pula dengan isu kemudahsampaian ke pusat perkhemidmatan dan kemudahan untuk mengakses maklumat. Kedua-dua sub-indeks berkenaan menunjukkan perhubungan yang signifikan di mana nilai p adalah  $\geq 0.05$  iaitu 0.001 dan 0.012. Pusat perkhemidmatan seperti klinik kesihatan, perpustakaan, kedai runcit, kedai fotostat dan lain-lain adalah satu keperluan yang

memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi psikologi pelajar. Pada tahun 2016 yang lalu, klinik kesihatan pelajar di Universiti Malaya telah dipindahkan berdekatan dengan UM Sentral berbanding pada sebelumnya berada jauh di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Kesukaran untuk mengakses ke klinik kesihatan berkenaan merupakan antara faktor yang paling banyak mempengaruhi psikologi pelajar. Walaubagaimanapun, usaha pihak universiti untuk meningkatkan kemudahsampaian ini memberi impak yang positif kepada psikologi pelajar. Begitu juga dengan kemudahan untuk mengakses maklumat. Internet merupakan salah satu keperluan kepada setiap orang pelajar untuk mengakses maklumat atas tujuan pembelajaran. Gangguan terhadap kemudahan ini dilihat memberi impak kepada psikologi pelajar yang sangat bergantung kepada maklumat luar untuk menyiapkan tugas. Oleh itu, kedua-dua sub-indeks berkenaan mempunyai perhubungan yang signifikan dengan psikologi pelajar secara langsung. Penambahbaikan kepada kedua-dua kemudahan berkenaan akan memberi impak yang positif kepada kualiti hidup yang dinikmati oleh pelajar.

### Analisis perhubungan diantara persekitaran sosial dengan psikologi

Begitu juga dengan indeks persekitaran sosial dan psikologi yang menunjukkan perhubungan yang signifikan iaitu 0.00 kurang daripada 0.05. Persekutaran sosial memainkan peranan penting dalam mempengaruhi psikologi pelajar. Faktor-faktor sosial seperti kemudahan asas, keselamatan dan lain-lain memerlukan penelitian yang lebih mendalam kerana wujud perhubungan secara langsung dengan psikologi pelajar. Oleh itu, didapati berlaku perhubungan yang lebih kuat iaitu sebanyak 50.289 (Jadual 7) berbanding kekuatan perhubungan indeks penunjuk pengangkutan dan perhubungan dengan psikologi. Jadual 8 menunjukkan kekuatan perhubungan faktor sosial dengan psikologi.

**Jadual 7 : Perhubungan diantara persekitaran sosial dengan Psikologi secara keseluruhan**

Model	Jumlah Persegi	df	Purata Persegi	F	Sig.
<b>Regresi</b>	50.289	4	12.572	25.724	.000a
<b>Baki</b>	114.364	234	0.489		
<b>Jumlah</b>	164.653	238			

**Jadual 8 : Perhubungan diantara persekitaran sosial dengan Psikologi mengikut faktor**

Model		Pekali Bukan Piawaian		Pekali Piawaian		Sig.
		B	Ralat Std.	Beta	t	
Persekutaran Sosial	(Pemalar)	1.339	0.204		6.563	0
	Kemudahan asas	0.201	0.045	0.271	4.436	0
	Isu-isu keselamatan dan jenayah	0.155	0.053	0.191	2.928	0.004
	Kemudahan makanan	0.057	0.051	0.068	1.125	0.262
	Keperluan ubat-ubatan dan kesihatan	0.203	0.059	0.217	3.456	0.001

Berdasarkan jadual 8, sub-indeks kemudahan asas, isu keselamatan dan keperluan ubat-ubatan serta kesihatan mempunyai perhubungan yang signifikan dengan psikologi di mana masing-masing menunjukkan nilai  $p \geq 0.05$  iaitu 0, 0.004 dan 0.001. Ketiga-tiga indikator berkenaan memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi psikologi pelajar di mana kemudahan asas seperti mesin basuh, tangki air tapisan, tempat letak kereta dan lain-lain perlu disediakan untuk memenuhi keperluan yang dikehendaki oleh penghuni. Kemudahan ini pada dasarnya memudahkan pelajar untuk menjalankan rutin harian tanpa perlu

meluangkan masa yang banyak misalnya bagi mereka yang ingin mencuci pakaian. Bagi mereka yang lebih cenderung untuk membasuh pakaian secara manual, tempat khas untuk menyental pakaian juga haruslah disediakan. Dengan kata lain, kemudahan asas ini adalah satu keperluan yang harus disediakan oleh pihak kolej bagi memastikan penghuni kolej penghuninya dapat mendiaminya dengan selesa dan kondusif (Mohd Reduan & Haryati, 2016). Manakala isu keselamatan juga dilihat mempunyai perhubungan yang signifikan dengan psikologi di mana perasan selesa atau yakin dengan sesuatu kawasan berupaya untuk meningkatkan tahap psikologi seseorang. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan keselamatan pelajar berada pada tahap yang baik. Berlainan pula dengan kemudahan untuk mendapatkan makanan. Berdasarkan analisis regresi yang dijalankan (Jadual 8) tidak wujud perhubungan di antara kemudahan makanan dengan psikologi di mana nilai  $p$  adalah 0.262 lebih daripada 0.05. Ini bermakna kemudahan makanan yang terdapat di Universiti Malaya adalah memuaskan sehingga ia bukanlah satu permasalahan yang besar bagi pelajar.

## **KESIMPULAN**

Hasil kajian mendapati ketiga-tiga indeks penunjuk mempunyai hubungan yang signifikan dengan psikologi. Walaubagaimanapun, terdapat faktor-faktor yang tertentu yang mempengaruhi psikologi di bawah indeks penunjuk yang sama. Misalnya, dalam konteks persekitaran alam sekitar, pengurusan sisa pepejal, kualiti alam sekitar dan keberadaan kawasan hijau mempunyai perhubungan secara langsung dengan psikologi. Namun, tidak bagi sub-indeks gangguan haiwan liar. Isu gangguan haiwan liar khususnya kera yang mendiami kawasan hutan yang terdapat di dalam kampus bukanlah satu perkara yang baru. Pada dasarnya kehadiran haiwan liar ini yang sering berkeliaran di sekitar kolej dan pusat pengajian dilihat mendatangkan ketidaksesuaian kepada pelajar apabila tindakan sekumpulan mamalia ini yang suka menggeledeh tong sampah. Namun ia dilihat bukanlah satu permasalahan yang besar bagi pelajar kerana kehadiran mereka hanyalah pada masa-masa tertentu. Bagi pelajar yang telah mendiami kolej kediaman yang acap kali menerima kunjungan mamalia ini, ia telah sebatи dengan diri pelajar di mana langkah-langkah berjaga seperti menyediakan tong sampah di dalam sangkar atau jaring yang tertentu berjaya mengekang isu-isu berbangkit daripada berlaku. Oleh itu, bukanlah satu perkara yang besar berkenaan gangguan haiwan liar di sekitar kampus bagi pelajar-pelajar yang tinggal di kolej kediaman yang menghadapi masalah gangguan haiwan liar ini.

Berlainan pula dengan indeks perhubungan persekitaran pengangkutan dan perhubungan dengan psikologi. Terdapat tiga sub-indeks yang tidak menunjukkan perhubungan yang tidak signifikan dengan psikologi iaitu isu kesesakan, tempat letak kenderaan dan perkhidmatan bas. Isu kesesakan dan tempat letak kenderaan adalah permasalahan terpilih bagi pelajar yang mempunyai kenderaan persendirian. Secara umumnya, pelajar hanya dibenarkan membawa kenderaan sendiri selepas tahun kedua menuntut di Universiti Malaya. Namun ianya adalah pilihan bagi mereka yang berkemampuan. Mereka yang lebih cenderung untuk bergantung kepada kemudahan bas yang disediakan oleh pihak universiti tidak perlu untuk membawa kenderaan sendiri untuk bergerak dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Tambahan pula dengan kemudahan pengangkutan bas yang disediakan memberi pilihan kepada pelajar. Berkenaan dengan kemudahansampaian ke pusat perkhidmatan dan mengakses maklumat pula, kedua-dua sub-indeks berkenaan mempunyai perhubungan yang signifikan dengan psikologi. Oleh itu, pengaruh perubahan yang berlaku ke atas kedua-dua indikator berkenaan akan memberi impak secara langsung kepada psikologi pelajar.

Manakala, sub-indeks persekitaran sosial berkenaan dengan kemudahan asas, isu-isu keselamatan serta keperluan untuk mendapatkan ubat-ubatan dilihat mempunyai perhubungan

yang signifikan dengan psikologi. Pada dasarnya, kesemua indikator berkenaan bukanlah permasalahan yang acap kali berlaku kepada semua individu, namun kebarangkalian untuk berlaku perkara-perkara sedemikian adalah membimbangkan pelajar. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan aspek-aspek berkenaan diberi penekanan yang sewajarnya oleh pihak berwajib agar tahap psikologi pelajar sentiasa dalam keadaan yang baik.

Secara keseluruhannya, persekitaran memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi psikologi pelajar di Universiti Malaya. Secara umumnya, psikologi adalah satu perkara kompleks yang memberi kesan yang berbeza kepada setiap individu bergantung kepada perilaku dan tahap adaptasi seseorang. Pentafsiran makna persekitaran yang berbeza bagi setiap individu telah mengakibatkan wujud perbezaan yang ketara dalam interaksi apabila ia melibatkan perhubungan diantara persekitaran dengan psikologi. Mereka yang lebih cepat beradaptasi dengan sekeliling lebih mudah untuk merasa puas hati berbanding individu yang sukar untuk menyesuaikan diri. Walaubagaimanapun, persekitaran yang baik secara langsungnya mempengaruhi tahap psikologi seseorang individu. Hasil kajian mendapati persekitaran fizikal, pengangkutan dan sosial serta sosial memberi kesan yang signifikan kepada psikologi pelajar di mana nilai  $p$  bagi setiap jenis persekitaran adalah  $\leq 0.05$ . Hal ini bermakna, ketiga-tiga faktor persekitaran berkenaan haruslah diberi penelitian bagi memastikan kualiti hidup yang dinikmati oleh pelajar yang khususnya tinggal di Universiti Malaya berada dalam baik. Sebagai bakal pelapis negara, keadaan persekitaran yang baik seharusnya dapat disediakan bagi memastikan tahap keselesaan pelajar dapat dimaksimumkan.

## **RUJUKAN**

- Azahan, A., Abdul, H. H. S. & Kadaruddin A. (2008). Penilaian makna kualiti hidup dan aplikasinya dalam bidang pengurusan persekitaran di Malaysia. *Akademika*, 72(1).
- Burc, U., Fusun, U. & Umit, G. (2001). A multidimension approach to urban quality of life: The case of Istanbul. *European Journal of Operational Research*. 130: 361-374.
- Choy, E. A., Rostam, K., Sakawi, Z., & Nor, A. R. M. (2017). Pembangunan dan impak terhadap keselamatan dan kesejahteraan penduduk Setempat: Analisis Jaringan di Wilayah Pembangunan Iskandar Johor. *e-BANGI*, 4(1).
- Cummins, R. A.(1999). A psychometric evaluation of the comprehensive quality of life scale (5th). Urban quality of life: *Critical issues and options*, 32-46.
- Dann, G. (1984). *The Quality of Life in Barbados*. London: Macmillan Publishers.
- Fanger, P. (1973). *Thermal Comfort*. New York: McGraw Hill.
- Forward, S. (2003). *State of the art report on Life Quality assessment in the field of transport and mobility*. Swedish National Road and Transport Research Institute, 1(1), 3–26.
- Glatzer, W. D., von Below, S., & Stoffregen, M. (Eds.). (2004). *Challenges for quality of life in the contemporary world: Advances in quality-of-life studies, theory and research* (Vol. 24). Springer Science & Business Media.
- Haris, A. W., (2010). Kesejahteraan sosial dan pembangunan komuniti: pendekatan dan faktor. Kuala Lumpur. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial. Universiti Malaya. 1-16.
- Haryati, S. & Nurasyikin, M. (2011). Pembentukan penunjuk dan indeks kualiti hidup bagi mengukur kesejahteraan hidup masyarakat di Pekan Parit Raja, Johor. Kuala Lumpur. Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan, UTHM.
- Haryati, S. & Sharifah, M. S. M. (2011). Pengangkutan di bandar: Isu dan penyelesaian. *Journal of Techno-Social*, 31-46. Universiti Tun Hussein Onn.

- Lim L.Y., Yuen B., & Low C. (1999). Quality of Life in City: Definition, Approaches and Research. *Urban Quality of Life: Critical Issues and Options*. Hlm. 1-12. Singapura: NUS.
- Markovsky, B. (1999). Social Psychology and Complexity Theory.
- Mohd Anuar, A. R. & Norshahril, A. H. (2011). Kesan persekitaran terhadap pembangunan emosi pelajar di fakulti pendidikan, UTM. *Journal of Education Psychology & Counseling*, (1), 141- 161
- Murdie, R.A., Rhyne, D. & Bates, J. (1992). *Modelling quality of life indicator in Canada : A feasibility analysis*. Ottawa: Canada Mortage and Housing Corporation.
- Parasuraman, A. Zeithaml, V. A & Berry, L.L. (1988). SERVQUAL: A Multiple-Item Scale for Measuring Consumer Perceptions of Service Quality. *Journal of Retailing*. 64(1): 12-40.
- Seashore, S.E. (1978). Indicator of the Quality of Working Life. Dlm. Indicator of Environmental Quality and Quality of Life. Hlm. 9-31. Paris: UNESCO.
- Seth, J. (1889). The Evolution of Morality, Mind 14, 53: 27-49
- Shaharuddin A. & Noorazuan M. D. (2017). Kebakaran hutan dan isu pencemaran udara di Malaysia: kes jerebu pada Ogos 2005. *e-Bangi*, 1(1).
- Tuan Pah Rokiah, S. H. & Hamidi, I. (2005) Kepentingan indeks alam sekitar sebagai salah satu faktor penentu indeks kualiti hidup di Malaysia. In: NA. (Tidak diterbitkan)
- Unit Perancang Ekonomi (1999). Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999. Jabatan Perdana Menteri. Dicapai pada Oktober, 1, 2010.
- Unit Perancang Ekonomi (2012). Kualiti hidup Malaysia 2011. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Williamson, S.J. (1973). Fundalmentals of air pollution. Massachusetts: Addison-Wesley.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **KHAIROS MD SAINI**

Jabatan Geografi Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya, Malaysia.

[khairos\\_ms@siswa.um.edu.my](mailto:khairos_ms@siswa.um.edu.my)

### **ROSMADI FAUZI**

Jabatan Geografi Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya, Malaysia.

[rosmadifauzi@um.edu.my](mailto:rosmadifauzi@um.edu.my)

### **SARIPAH OSMAN**

Jabatan Geografi Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya, Malaysia.

[saripahosman@um.edu.my](mailto:saripahosman@um.edu.my)